

“Agar pembaca dapat memahami tujuan dari usaha ini, saya nukil dengan sedikit ubah suai di bawah ini petikan daripada Pendahuluan bagi buku *Fiqh Dakwah Dalam Al-Quran*:

- 1 Mengajak para pembaca untuk melihat isu-isu kehidupan di bawah bimbingan Al-Quran. Hal ini adalah kerana isu-isu dalam kehidupan Muslim tidak boleh ditangani tanpa mengambil kira petunjuk-petunjuk yang ada dalam Al-Quran, rujukan utama Islam.
- 2 Dengan sentiasa melihat isu kehidupan di bawah bimbingan Al-Quran akan mendekatkan diri pendakwah dengan Al-Quran. Ini merupakan elemen penting dalam pembentukan peribadi seorang Muslim.
- 3 Membimbing para pembaca untuk berfikir bersama ayat-ayat Al-Quran dan membina keupayaan untuk mengaitkannya dengan masalah kehidupan. Terlalu banyak ayat Al-Quran yang menganjurkan umatnya untuk berfikir. Maka Muslim tidak boleh diajar tentang agama secara dogmatik. Muslim juga tidak boleh menyampaikan agama kepada orang lain secara dogmatik. Maka budaya berfikir mengenai apa yang tersurat dan tersirat adalah penting. Tiada satu yang lebih penting bagi umat Islam untuk berfikir dengannya selain ayat-ayat Al-Quran yang mereka baca.”

– USTAZ DR. MUHAMMAD HANIFF HASSAN
FELO,
RSIS-NTU



PESANAN ILAHI, RENUNGGKANLAH . . .

Muhammad Haniff Hassan

Pesanan Ilahi,

Renungkanlah . . .

– Muslim | Singapura | Hari Ini –

Muhammad Haniff Hassan

DARUL
TAFSIR
AL-KHAIR

Pesanan Ilahi, Renungkanlah . . .

– *Muslim* | *Singapura* | *Hari Ini* –

Muhammad Haniff Hassan



DARUL
TAFSIR
AL-KHAIR

PESANAN ILAHI, RENUNGANLAH . . .
Muhammad Haniff Hassan

© Muhammad Haniff Hassan, 2021
Cetakan petrtama 2021
ISBN 978-981-326-083-2

Diterbitkan oleh
Darul Tafsir Al-Khair
Al-Khair Mosque
1 Teck Whye Crescent Singapore 688847
dan
Pustaka Nasional Pte Ltd
Blk 1001, Eunos Ave 8, #02-06,
Singapore 409496
pustakanasional@me.com
www.pustaka.com.sg

Hak cipta dilindungi undang—undang. Mana-mana bahagian juga tidak dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (*retrieval system*) ataupun dipancar walau melalui sebarang cara pun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran pihak penerbit terlebih dahulu.

Dicetak oleh
Markono Print Media Pte Ltd

Penghargaan

Kami bersyukur kepada Allah taala kerana telah mengizinkan penerbitan buku ini.

Kami juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Puan Nur Asikin Ramlee, Ustaz Muhammed Faheem Abdul Khalil, Ustaz Abdul Hadi Jamil dan Ustazah Syakirah Aimi Mohamed Juri serta semua pihak yang telah turut terlibat menyokong dan berganding bahu sehingga buku ini dapat dilancarkan.

Akhir sekali, terima kasih kepada keluarga dan juga sekalian guru-guru yang pernah mendidik kami serta Lembaga Pentadbir Masjid Al-Khair atas dorongan, sokongan dan kemudahan tempat kerja.

Daftar Isi

<i>Penghargaan</i>	<i>iii</i>
<i>Kata Pengantar</i> - <i>daripada Darul Tafsir Al-Khair</i>	<i>vii</i>
<i>Kata Pengantar</i> - <i>daripada Lembaga Pentadbir Masjid Al-Khair</i>	<i>x</i>
<i>Prakata</i>	<i>xii</i>
Mutiara Yasin	1
Halal <i>vs</i> Tayyib (Baik): Faktor Wajib Dalam Makanan?	6
Keadilan Adalah Hak Semua	10
Siapakah Yang Layak Masuk Syurga?	13
Mereka Menolak Kebenaran, Apakah Peranan Saya?	17
Mencontohi Allah Dalam Mendahulukan Sifat Pengasih	19
Azam + Usaha = Tawakal?	22
Aku Bukanlah Malaikat	27
Berita Angin + Gosip = Menghancurkan Manusia	31
Muslim Dan Kuasa	34
Harusnya Berhutang	37
Rezeki Daripada Allah Taala	40

Janji Muslim	43
Kesenangan Suatu Ujian, Atau Nikmat?	46
Jutawan Muslim	49
Ganjaran Bagi Khidmat Agama: Percuma?	55
Wang Haram	59
Menghadapi Golongan Yang Negatif	62
Berkonfrontasi Dalam Dakwah, Elakkanlah	65
Ingin Memahami Ayat-Ayat Al-Qur'an, Fahami Konteksnya	69
Ke Syurga Atau Ke Neraka? Penentuan Siapa?	72
Sikap Saksama Terhadap Penganut Agama Lain	75
Golongan Hari Sabtu	79
Golongan Berkeperluan, Golongan Istimewa	82
Adakah Wajib Memaafkan Dan Melupakan?	85
Jangan Hentikan Bantuan Kepada Seseorang Kerana Kesilapan/Dosa Yang Dilakukan	90
Kuat + Berkuasa = Ideal?	94
Pengurusan Usia Tuamu	99
Jalan Menuju Allah, Bukanlah Satu	103
Berkongsi Berita Tentang Nikmat Daripada Tuhan	107



Kata Pengantar

Salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh umat Islam adalah untuk menjadikan Islam relevan dalam dunia pascamoden. Adakah Al-Qur'an berperanan dalam kehidupan moden? Bolehkah Al-Qur'an menangani cabaran-cabaran serius yang dihadapi oleh setiap kelompok manusia, Muslim dan juga agama-agama yang lain di dunia moden ini?

Memang tidak diragukan lagi bahawa Al-Qur'an memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita. Al-Qur'an sudah sememangnya menjadi panduan asasi, mercu harapan bersama, dan penyelesaian masalah bagi semua.

Ini berasaskan ayat-ayat Al-Qur'an yang berikut:

“Ini ialah Kitab (Al-Qur'an) yang Kami turunkan kepadamu supaya kamu mengeluarkan umat manusia seluruhnya daripada gelap-gelita kepada cahaya terang benderang dengan izin Tuhan mereka, iaitu menuju jalan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji.” (Surah Ibrahim:1)

“Kami turunkan kepadamu Al-Qur’an untuk menjelaskan setiap sesuatu dan menjadi petunjuk, serta pembawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang yang berserah diri.” (Surah An-Nahl:89)

Tetapi bagaimanakah Al-Qur’an itu dapat kita gunakan sebagai tiket untuk kita keluar daripada masalah dan kesusahan kita? Seseorang itu boleh mengatakan bahawa Al-Qur’an tidak akan pernah berubah, sedangkan kehidupan manusia sentiasa berubah. Ya, tidak diragukan lagi isi kandungan Al-Qur’an adalah muktamad dan tidak akan ada penambahan atau pengurangan di dalamnya, tetapi makna pada setiap ayat, sebab penurunannya serta prinsip-prinsip Al-Qur’an, ini semua antara faktor-faktor yang akan membantu dalam membawa penyelesaian di dunia moden sekarang. Dengan itu, Darul Tafsir Al-Khair telah mendapatkan pertolongan Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan untuk berkongsi artikel-artikel yang berfokuskan Tafsir Tematik, bersesuaian dengan konteks Singapura dan juga situasi dunia moden.

Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk membina jambatan antara firman Allah taala dan kehidupan seharian kita. Kita semua akur bahawa Al-Qur’an adalah relevan dari masa ke semasa, maka pemahaman tentang sains Al-Qur’an dan pendekatan kontekstual diperlukan untuk memahami makna Al-Qur’an agar ianya dapat diimplementasikan ke dalam semua lapisan masyarakat.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan kerana sudi membenarkan artikel-artikel yang diusahakan beliau sendiri untuk diterbitkan oleh Darul Tafsir Masjid Al-Khair. Saya berharap buku ini dapat mengeratkan lagi hubungan kita dengan Allah taala serta mengarahkan kita untuk terus tetap teguh di atas landasan yang diredai oleh-Nya.

Semoga Allah taala menerima dan memberkati usaha ini serta menjadikannya cahaya petunjuk bagi sekalian manusia.

MUHAMMED FAHEEM BIN ABDUL KHALIL
DARUL TAFSIR, MASJID AL-KHAIR
MAC 2021

Kata Pengantar

Saya teringat sebuah hadits:

“Sebaik-baiknya kalian adalah yang mempelajari Al-Qur’an dan mengajarkannya.” (HR. Bukhari)

Al-Qur’an adalah kitab suci umat Islam yang berfungsi sebagai kitab petunjuk kehidupan umat manusia. Di samping itu kitab suci Al-Qur’an juga berfungsi sebagai kitab yang membawa solusi kepada umat manusia sejagat. Al-Qur’an yang mengandung firman Allah taala yang suci, diturunkan oleh makhluk Allah yang suci, kepada Rasul Allah yang suci, bukan hanya buku yang mengandung tulisan semata-mata.

Al-Qur’an adalah mu’jizat yang tidak dapat dirasai oleh pancaindera, tetapi dapat digenggam oleh perasaan, akal fikiran dan renungan yang mendalam.

Oleh yang sedemikian, buku ini disusun agar pembaca dapat memperluas ilmu dan pemahaman tentang Tafsir Al Qur’an yang kami sajikan berdasarkan artikel-artikel yang ditulis oleh Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan, seorang tokoh yang

tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Singapura. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan atas usahanya menghasilkan artikel-artikel ini dan juga kerana membenarkan tulisannya diterbitkan oleh Darul Tafsir, Masjid Al-Khair.

Saya berharap agar kajian terhadap Al-Qur'an terus digalakkan dalam pelbagai segi di tengah kehidupan masyarakat moden ini. Tujuan kita semua adalah bagaimana Al-Qur'an dapat terus memberikan solusi dan petunjuk kepada masyarakat dunia. Al-Qur'an yang sekarang adalah sama dengan Al-Qur'an pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya. Jika pada masa lalu, Al-Qur'an dapat mengubah sejarah kehidupan umat manusia. Maka kita selaku generasi yang gigih perlu mengambil alih usaha untuk menghidupkan kembali semangat Al-Qur'an. Pada luarannya, Al-Qur'an memang kelihatan diam, tetapi di dalamnya, terdapat kekuatan pada Al-Qur'an yang dapat mengubah masyarakat. Oleh itu, yang dapat melakukan semua ini adalah kita, umat Islam. Kita adalah pembawa amanah Al-Qur'an.

Akhir kata, semoga buku ini dapat memberikan wawasan yang lebih luas dan menjadi sumbangan pemikiran kepada pembaca, khususnya penduduk Singapura. Buku ini adalah terbitan pertama Darul Tafsir, Masjid Al-Khair maka tidak dinafikan terdapat banyak kekurangan padanya. Untuk itu, kami mengalu-alukan sebarang maklum balas dan saranan demi pembaikan penerbitan buku kami pada masa yang akan datang insyaAllah.

HAJI ABDUL WAHAB AHMAD
NAIB Pengerusi MASJID AL-KHAIR
MAC 2021

Prakata

Alhamdulillah, dengan izin-Nya buku yang mengandung kumpulan pertama artikel-artikel yang diterbitkan dalam *Mimbar Darul Tafsir* sejak Jun 2020 telah dapat diterbitkan oleh Masjid Al-Khair.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengurusan Masjid Al-Khair yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menyumbang artikel-artikel bagi *Mimbar Darul Tafsir* sebagai sebahagian daripada usaha dakwah digital untuk jemaah masjid dan masyarakat Muslim Singapura umumnya.

Apa yang saya lakukan bagi *Mimbar Darul Tafsir* bukan sesuatu yang baharu. Ia hanyalah penerusan usaha yang pernah saya lakukan sebelum ini, iaitu mengutip beberapa ayat-ayat Al-Qur'an bagi menyampaikan beberapa pelajaran yang terfokus pada tajuk tertentu dengan tujuan untuk mengajak para pembaca untuk sentiasa berfikir tentang ayat-ayat Al-Qur'an dan mendedahkan mereka kepada idea-idea tertentu yang bersandarkan ayat-ayat

Al-Qur'an yang mungkin jarang diketahui umum. Usaha dan pendekatan yang sama sebelum ini pernah diterbitkan dalam buku *Fiqh Dakwah Dalam Al-Quran* (2004) dan kemudiannya dalam *Sampaikan Dariku ...: 100 Renungan Dari Al-Quran & Sunnah Dalam Menyeru Kebaikan* (2017).

Agar pembaca dapat memahami tujuan usaha ini, saya nukil dengan sedikit ubah suai di bawah ini petikan daripada Pendahuluan bagi buku *Fiqh Dakwah Dalam Al-Quran*:

1. Mengajak para pembaca untuk melihat isu-isu kehidupan di bawah bimbingan Al-Qur'an. Hal ini adalah kerana isu-isu dalam kehidupan Muslim tidak boleh ditangani tanpa mengambil kira petunjuk-petunjuk yang ada dalam Al-Qur'an, rujukan utama Islam.
2. Dengan sentiasa melihat isu kehidupan di bawah bimbingan Al-Qur'an akan mendekatkan diri pendakwah dengan Al-Qur'an. Ini merupakan elemen penting dalam pembentukan peribadi seorang Muslim.
3. Membimbing para pembaca untuk berfikir bersama ayat-ayat Al-Qur'an dan membina keupayaan untuk mengaitkannya dengan masalah kehidupan. Terlalu banyak ayat Al-Qur'an yang menganjurkan umatnya untuk berfikir. Maka Muslim tidak boleh diajar tentang agama secara dogmatik. Muslim juga tidak boleh menyampaikan agama kepada orang lain secara dogmatik. Maka budaya berfikir mengenai apa yang tersurat dan tersirat adalah penting. Tiada satu yang lebih penting bagi umat Islam untuk berfikir dengannya selain ayat-ayat Al-Qur'an yang mereka baca.

Pendekatan berfokus kepada Al-Qur'an hanyalah bertujuan untuk meringkaskan pembacaan. Pastinya setiap ayat itu mempunyai banyak lagi pengajaran dan isu yang dapat dihuraikan. Setelah membaca buku ini, diharapkan para pembaca dapat berusaha untuk berfikir akan apakah lagi pengajaran yang dapat diambil daripada ayat-ayat berkenaan, bertanya kepada orang yang arif mengenai dapatannya dan berkongsi pula dengan yang lain.

Tumpuan buku ini kepada Al-Qur'an bukanlah bermakna penulis menafikan peranan Sunnah bagi Muslim.

Adalah diharapkan, para pembaca yang telah menamatkan pembacaan buku kecil ini akan terbiasa dengan pola berfikir daripada artikel-artikel dalamnya hingga dia terdorong untuk sentiasa berfikir akan pelajaran-pelajaran yang tersurat dan tersirat dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang dibacanya.

Dicadangkan juga kepada para pembaca yang melazimi bacaan Al-Qur'an agar memilih satu atau dua ayat Al-Qur'an daripada muka surat-muka surat yang dibacanya dan memikirkan beberapa pelajaran tentangnya sesuai dengan apa yang dibacanya daripada buku ini.

Moga Allah taala memberi petunjuk kepada pembaca untuk mendapatkan manfaat daripada usaha kecil ini dan menjadikan usaha ini pula amal soleh yang diredai-Nya.

MUHAMMAD HANIFF HASSAN

FELO

SEKOLAH PENGAJIAN ANTARABANGSA S. RAJARATNAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI NANYANG, SINGAPURA

MAC 2021